

Rais cadang Muzium Kehakiman di Putrajaya

BH-10/6/2007.

Tujuan didik generasi muda mengenai proses penghakiman

Nazmi Yaakob
di London



MUZIUM Kehakiman yang memaparkan sejarah sistem pengadilan di mahkamah dan pelaksanaan hukuman di penjara serta kes jenayah yang menggemparkan negara seperti Botak Chin dan Mona Fendey akan diwujudkan di Putrajaya sebagai pelengkap kepada Palace of Justice.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Dr Rais Yatim, berkata muzium yang mencontohi konsep Galeri Keadilan di Nottingham dekat sini, bertujuan mendidik masyarakat terutama generasi muda mengenai proses penghakiman dan pelaksanaan hukuman.

Beliau berkata, penghakiman, mahkamah dan penjara di Malaysia mempunyai rentetan sejarah menarik seperti Penjara Pudu, selain boleh memaparkan situasi berkaitan undang-undang seperti penguatkuasaan mengi-

kut Akta Penjara dan Kanun Seksaan serta Kanun Acara Jenayah.

"Saya sudah berunding dengan Ketua Hakim Negara, Tun Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim yang berminat sekiranya kementerian dapat membantu mewujudkan muzium mengenai kehakiman dan hubungannya dengan pentadbiran un-

“ Penghakiman, mahkamah dan penjara di Malaysia mempunyai rentetan sejarah menarik seperti Penjara Pudu, selain boleh memaparkan situasi berkaitan undang-undang”

Dr Rais Yatim

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan

dang-undang jenayah di negara kita.

"Saya akan mengesyorkan hal ini kepada Kabinet dan kertas kerja yang akan disediakan turut mengambil kira komen Badan Kehakiman Malaysia, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Penjara sebelum ia dijadikan projek untuk mendidik masyarakat supaya memahami fungsi mahkamah serta penjara," katanya di sini, semalam.

Rais melawat Galeri Keadilan di Nottingham, Rabu lalu, untuk meninjau perjalanan muzium yang dibuka pada April 1995 dan dahulunya mahkamah pada 1375 serta penjara (1449).

Beliau berkata, Galeri Keadilan di Nottingham itu mencerminkan situasi di mahkamah dan penjara negara itu termasuk hukuman diterima banduan berdasarkan sistem yang keras dan tidak lagi di amalkan kini.

"Ia juga memaparkan evolusi sistem penjara di Britain sehingga ke peringkat lebih efisien dan moden, tetapi masih mempunyai pertalian dengan sejarah termasuk cara penghakiman yang mengerikan pada abad ke-19," katanya

Kementeriannya, kata Rais, sudah mempunyai premis di Putrajaya yang disewa daripada Perbadanan Putrajaya untuk tujuan itu walaupun Palace of Justice mempunyai ruang yang boleh dijadikan Muzium Kehakiman.

"Bagaimanapun, kita dapati ruang yang disediakan kecil untuk dijadikan Muzium Kehakiman, sekali gus tidak dapat memenuhi tujuan untuk memaparkan kehakiman dan undang-undang jenayah," katanya.

Sementara itu, Rais berterima kasih kepada kerajaan terutama Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mencalonkannya sebagai Setiausaha Agung Komanwel yang baru.

"Saya difahamkan beberapa negara lain turut mengemukakan calon, terserahlah kepada ketua negara memilihnya pada Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Uganda nanti," katanya.

Kelmarin, Wisma Putra mengumumkan pencalonan Rais sebagai Setiausaha Agung Komanwel bagi menggantikan Don McKinnon yang akan menamatkan perkhidmatan 31 Mac 2008.